

PUSAT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI (PPQ)

NAMA DOKUMEN : PEKELILING MQA BIL. 2/2024
PENGUNAAN EDISI TERKINI STANDARD PROGRAM:
PERAKAUNAN

NOMBOR RUJUKAN : MQA.100-1/3/1(10)

EDISI : -

TARIKH KUATKUASA : 01 JUN 2024

DILULUSKAN

Tandatangan :



Nama: Ts. Dr. Hasnita binti Che Harun

Jawatan: Pengarah PPQ

Tarikh: 20 Jun 2024



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3779 Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/1 (10)

Tarikh : 13 Mei 2024

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)


Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 2/2024

PENGGUNAAN EDISI TERKINI STANDARD PROGRAM : PERAKAUNAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 2/2014 bernombor rujukan MQA.100-1/7/1(1) bertarikh 13 Februari 2014 dan Surat Pekeliling MQA Bil 2/2016 bernombor rujukan MQA.100-1/7/1 (16) bertarikh 17 Ogos 2016.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Standard Program: Perakaunan Edisi Pertama (Programme Standards: Accounting First Edition) telah dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dan dikuatkuasakan penggunaannya pada 13 Februari 2014. Dokumen ini telah menjadi rujukan utama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran dan jaminan kualiti program pendidikan tinggi dalam bidang Perakaunan di Malaysia.
3. Bagi memastikan Standard Program: Perakaunan kekal relevan, MQA telah melaksanakan **kajian semula** berasaskan kepada input yang diterima daripada pihak berkepentingan. Kandungan dokumen telah disemak dan ditambah baik oleh panel pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan industri agar selaras dengan perkembangan semasa pada peringkat nasional dan antarabangsa.
4. Standard Program: Perakaunan Edisi Pertama dikaji semula dengan berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia berdasarkan Kod Amalan MQA serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF). Dokumen ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program Perakaunan.



5. Dokumen ini akan menjadi rujukan kepada PPT dan digunakan oleh pegawai dan Ahli Panel Penilai (APP) MQA dalam penilaian akreditasi program. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan edisi terkini Standard Program: Perakaunan dapat menghasilkan graduan program Perakaunan yang berkualiti.

6. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program Perakaunan adalah tertakluk kepada penggunaan standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pematuhan Akreditasi. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard/dasar yang ditetapkan oleh MQA dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, standard yang lebih tinggi adalah terpakai kecuali dinyatakan sebaliknya.

7. Standard program ini juga perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, dokumen Jaminan Kualiti yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.

8. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini Standard Program: Perakaunan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	1 Jun 2024 sehingga 31 Mei 2025	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi standard program. Nota: i. Kohort pelajar yang diambil selepas tempoh transisi tamat perlu mengguna pakai kurikulum baharu dalam standard program. ii. Kohort pelajar yang sedang berada dalam sistem boleh mengguna pakai kurikulum sedia ada seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT. Walaupun bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin mengguna pakai kurikulum baharu jika tidak

BIL.	TARIKH	PERKARA
		<p>membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.</p> <p>iii. Dokumen Standard Program: Perakaunan akan ditambahbaik jika ada keperluan pindaan dengan justifikasi bersesuaian daripada pihak berkepentingan.</p>
2.	15 November 2024	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	15 November 2024	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.

9. **Standard Program: Perakaunan** edisi terkini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)